



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS SESI

2012/
2013

AMANAT NAIB CANSOLOR KEPADA SISWA SISWI BAHARU





**AMANAT NAIB CANSOLOR
KEPADA SISWA SISWI BAHARU
UMS SESI 2012/2013**

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalammualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Prof. Dr. Hj. Shariff Abdul Kadir
Shariff Omang Al-Haj
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Prof. Madya
Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd. Shahril Yusof
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Mejar (K)
Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said
Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah

Yang Berusaha Tuan Haji Rizal Othman
Bendahari, Universiti Malaysia Sabah

Yang Berusaha Puan Dayang Rukiah Ag. Amit
Ketua Perpustakaan, Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah serta
Ketua Jabatan dan
Bahagian di peringkat Pusat/Institut dan Unit

Semua Pegawai dan Kakitangan UMS

Seterusnya kepada Kepimpinan Majlis Perwakilan
Pelajar yang diketuai oleh **Saudara Khalil Sabu**

Tidak lupa juga kepada semua Pembimbing Suai Mesra
ke – 18, sesi 2012/2013

Dan khusus kepada Siswa-Siswi baharu Universiti
Malaysia Sabah bagi pengambilan sesi 2012/2013 yang
dikasihi sekalian.





1 Segala puji hanya bagi Tuhan maha tinggi lagi maha suci. Terima kasih Tuhan atas memberi kesempatan untuk kita bersama-sama dalam jalinan persahabatan dalam majlis Minggu Suai Mesra 2012 ini. Syukur padaNya yang masih memberi nafas untuk kita hidup lagi hari ini.

2 Tahniah, selamat datang dan selamat menjadi warga Universiti Malaysia Sabah. Syukur dan hargailah rezeki yang telah Tuhan tentukan untuk diri anda. TakdirNya anda hari ini berada bersama kami keluarga besar UMS. Benar memang bukan semua yang kita hendak Tuhan akan beri, kerana Tuhan beri apa yang kita perlu bukan nafsu mahu. Tuhan tentukan takdirNya anda kini menjadi warga UMS yang indah lanskap alam semulajadi, didepannya laut di belakangnya Gunung Kinabalu. Daripada ratusan ribu yang memohon untuk memasuki IPTA hanya sedikit sekali yang berjaya dan anda di hadapan saya adalah antara mereka yang berjaya. Maka bersyukurlah. Sesuatu yang kita miliki hari ini jarang kita hargai kecuali ia hampir terlepas atau benar-benar sudah terlepas daripada gengaman. Syukur dan hargailah milik kita hari ini.

3 Anda tidak akan berada di sini tanpa pengorbanan ramai orang. Jasa Ibu bapa yang tidak pernah lelah mendidikmu dari bayi hinggalah menjadi pelajar universiti. Bakti para guru yang memberi ilmu tanpa pernah mengharapkan balasan penghargaan. Budi pihak kerajaan yang menyediakan peluang pendidikan dari sekolah rendah hingga ada kini bergelar pelajar universiti. Tanpa semua orang ini, anda takkan berjaya menjadi pelajar universiti. Ingat dan hargailah jasa setiap orang yang pernah berbudi. Orang yang bersyukur adalah orang yang paling berterima kasih, sebab Tuhan hanya akan menambah nikmat bagi yang benar-benar mensyukuri pemberianNya.

4 Sungguh hati kaum remaja ibarat tanah kosong, apapun yang dicampakkan di atasnya, akan diterima begitu saja. Amanat saya ini memberi ingat agar saya dapat memberi pesanan dan pengajaran sebelum hatimu membeku dan fikiranmu kacau. Ambillah pelajaran dari kesusahan, kekacauan, kemiskinan, kebuluran dan pembunuhan di negara lain gara-gara rakyatnya tidak menghargai nikmat keharmonian yang diberi Tuhan.

5 Para pelajar sekalian, punca segala kejahatan sebab manusia tidak kenal siapa dirinya. Inilah tragedi yang paling dahsyat dalam hidup seseorang bila mana dia tidak kenal siapa penciptanya, siapa dirinya, apa tujuan hidupnya dan di manakah destinasi terakhir yang akan menjadi persinggahannya. Kenali diri dan kenali diri sendiri untuk tentukan matlamat akhir hidup sementara di dunia ini.



“ Jika kejahatan dibalas kejahatan, maka itu adalah dendam. Jika **kebaikan dibalas kebaikan** itu adalah perkara biasa. Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim.

Tapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah **mulia dan terpuji.** ”

6 Orang yang paling berkuasa adalah orang yang dapat menguasai dirinya sendiri. Orang yang tidak boleh dipimpin dia juga tidak boleh jadi pemimpin. Musuh nyata adalah hawa nafsu kita sendiri. Maka usahlah kita menjadikan orang lain sebagai musuh kita. Tidak perlu kita menjadikan demokrasi sebagai hak asasi untuk kita membuat perhimpunan yang menghancurkan keharmonian negara. Usahlah kita terikut-ikut dengan hasutan orang lain yang punya agenda peribadi. Jika kejahatan dibalas kejahatan, maka itu adalah dendam. Jika kebaikan dibalas kebaikan itu adalah perkara biasa. Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim. Tapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah mulia dan terpuji.


7 Saya menyeru pelajar baharu tolong fokus pada pelajaran di Universiti. Bercintalah dengan pelajaran, bertunanglah dengan mengulangkaji, berkahwinlah dengan peperiksaan dan berbulan madulah dengan kejayaan. Hanya kejayaan peribadi membawa kebahagiaan pada kedua ibubapamu nanti. Tiada yang lebih membahagiakan ibubapa selain melihat anda semua menerima ijazah di dewan yang bertuah ini nanti. Di dewan Canselor ini anda bermula di sinilah akhir kembara ilmu semua pelajar baharu nanti.





8 Pelbagai cara manusia mendapatkan kepuasan dengan harta, takhta dan wang berjuta, tetapi tidak sebanding dengan ilmu yang penuh di dada. Hanya dengan ilmu yang diamalkan dengan ikhlas menjadikan manusia ditinggikan darjat serta mendapat keberkatanNya.

9 Kita tidak dapat dipuaskan hanya dengan bermimpi untuk menjadi manusia berjaya. Kita perlu belajar untuk melompat jauh ke depan, menjadi kreatif dan inovatif menggunakan kata "bagaimana kalau" untuk menggantikan kata "itulah yang selalu dilakukan". Belajar bermaksud mengetahui benar-benar bahawa pengetahuan lama adalah musuh dari belajar dan bahawa terus menerus belajar adalah kunci menuju kreativiti dan pertumbuhan. Jadilah seorang pelajar kreatif dan inovatif dalam meneroka ilmu dengan mahu bertanya dan rajin bertanyakan soalan. Fikirkanlah! Pensyarah adalah guru sebagai pintu ilmu, namun demikian pelajarlah yang membukanya. Jangan takut bertanya, tanpa soalan tiadalah jawapan. Tidak pernah ada soalan bodoh yang ada cuma orang bodoh sombong yang tidak mahu bertanya, maka sesatlah jalan mereka yang sombong itu.



"Bercintalah dengan pelajaran,
bertunanglah dengan mengulangkaji,
berkahwinlah dengan peperiksaan dan
berbulan madulah dengan kejayaan."

10 Bila anda ingin memperoleh sesuatu, ia selalu mempunyai suatu harga. Harga itu adalah kerja keras, komitmen, kasih dan pengorbanan diri. Tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Korbankanlah angkuh dan sombong dalam diri. Belajarlah untuk menerima kritikan serta teguran sebab tugas setiap pensyarah adalah untuk menjadikan anda pemimpin pada diri sendiri. Kemandirian anda sebagai seorang manusia yang akhirnya berguna untuk manfaat kebaikan agama, bangsa dan negara.

11 Tiada siapa yang paling pandai dan paling bodoh di dunia ini kerana setiap yang pandai itu boleh menjadi bodoh dan setiap yang bodoh itu boleh menjadi pandai. Ciri orang yang beradab ialah dia sangat rajin dan suka belajar, dia tidak malu belajar walau daripada orang yang berkedudukan lebih rendah darinya. Jika anda berhasrat untuk berjaya, jangan hanya memandang ke tangga tetapi belajarlah untuk menaiki tangga tersebut. Tanpa kesalahan tiadalah erti kebenaran. Setiapkali berbuat kesalahan ambillah pelajaran. Tiada yang sia-sia. Tuhan tidak jadikan kita lepas berbuat salah tetapi Tuhan jadikan kita akal untuk berfikir menjadikan diri lebih baik dengan kesilapan lalu. Asal saja kita mengambil pelajaran dari setiap kesalahan maka orang yang berfikir takkan jatuh pada lubang yang sama untuk kali kedua.



12 Para pelajar yang dikasihi sekalian. Semalam adalah suatu kenangan hari ini adalah suatu kenyataan manakala esok adalah suatu penantian. Kenangan semalam hendaklah kita simpan buat pedoman di hari depan dan kenyataan hari ini hendaklah kita tempuhi dengan tabah tetapi kita juga harus bersedia untuk menanti hari esok yang merupakan suatu perjuangan. Membaca dan membacalah sebagai perjuangan hidup sebagai pelajar Universiti. Janganlah berputus asa. Tetapi kalau anda sampai berada dalam keadaan putus asa, berjuanglah terus meskipun dalam keadaan putus asa.

13 UMS punya istana buku yang cukup gah sekali tetapi tempat inilah yang paling sunyi sekali. Saya yakin para pelajar baharu kali ini semuanya suka dan cinta sekali membaca. Untuk itu saya suka mengingatkan bahawa kunjungilah perpustakaan kita sebab lebih sepuluh juta kita peruntukkan untuk membeli buku bagi melengkapkan khazanah ilmu untuk kemudahan anda para pelajar sekalian. Buku adalah seperti makanan tetapi makanan untuk jiwa dan fikiran. Buku adalah ubat untuk luka, penyakit dan kelemahan-kelemahan perasaan dan fikiran manusia. Jika buku mengandungi racun, jika buku dipalsukan akan timbul bahaya kerosakan yang sangat besar. Buku adalah pengusung peradaban. Tanpa buku, sejarah menjadi sunyi, serta bisu, ilmu pengetahuan lumpuh. Buku menolong kita di kala kesepian dan menjaga agar kita tidak menjadi beban bagi diri sendiri. Jadikanlah buku-bukumu sebagai sahabat karibmu, Insyaa Allah anda akan menjadi orang yang amat luas wawasan dan kaya perspektif.



// Ilmu yang diamalkan dengan ikhlas
menjadikan manusia ditinggikan darjat
serta mendapat keberkatanNya. //

14 Khalil Gibran seorang ahli fikir pernah berkata, akal budi dan pengetahuan adalah laksana raga dan jiwa. Tanpa raga, jiwa menjadi kosong belaka kecuali hanya berupa angin hampa. Tanpa jiwa, raga hanyalah kerangka tulang tanpa perasaan. Hal demikian mencerminkan bahawa, makanan fikiran adalah makanan rohani, apa yang dibaca itulah yang masuk ke dalam jiwa kita. Bacalah bahan yang bermutu tinggi memberi manfaat seperti suratkhbar majalah dan jurnal yang sedia ada percuma di perpustakaan kita. Hentikanlah bacaan ringan seperti komik majalah hiburan yang langsung tidak menyambung pada kemajuan akal dan jiwa anda selain semua itu hanyalah melalaikan jiwa dengan hiburan kosong lagi hampa belaka.

15 Para pelajar dan sidang hadirin yang dikasihi sekalian. UMS bertekad cemerlang bukan hanya untuk melahirkan azam membentuk kecemerlangan akademik semata-mata. UMS juga sudah bersiap siaga menzahirkan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan. Ciri-ciri keselamatan sudah dipertingkatkan dengan saya sendiri sudah turun padang meninjau struktur pagar yang rosak dan kerja-kerja penambahbaikan sudah dijalankan dan masih diteruskan sehingga keselamatan pelajar benar-benar terjamin. Saya beri jaminan bahawa kebajikan dan keselamatan pelajar adalah keutamaan saya, saya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menjejaskan pelajar UMS yang amat saya kasihi. Tanpa pelajar siapalah saya untuk berdiri sebagai Naib Canselor pada hari ini. Pelajar dan Naib Canselor berpisah tiada.

16 Untuk itu dengan sukacitanya saya mengumumkan dasar baru UMS untuk menyediakan kemudahan bas yang dikhususkan untuk pelajar perempuan. Saya difahamkan dua buah bas sudah disediakan untuk kemudahan tersebut. Mana-mana lelaki dilarang menaiki bas berkenaan kecuali hanya seorang lelaki iaitu pemandunya. Para pelajar hendaklah beratur, menjadi manusia yang tertib mengikut peraturan. Pelajar lelaki hendaklah berpakaian kemas dan bertali leher serta saya mengharapkan anda turut sama dengan warga UMS lain iaitu dengan pemakaian baju kebangsaan berbaju Melayu bersamping dan bersongkok pada setiap hari jumaat. Manakala pelajar perempuan berbaju kurung.

17 Bagi maksud keselamatan semua pelajar dan warga UMS, saya ingin menegaskan pemakaian kad pelajar dan kad pekerja adalah diwajibkan semasa berada dalam kampus. Tanpa kad tersebut kita gagal mengawal serta memantau kemasukan orang yang tidak berkenaan dalam kampus UMS ini. Para pelajar yang saya kasihi sekalian, kehidupan di kampus tentu ada bezanya dengan suasana di luar sana. Kini anda bebas berbuat apa saja tanpa perhatian keluarga, maka semua pilihan terletak pada tangan sendiri, jika pilihan tepat maka anda akan jadi tambah bermanfaat. Luqmanul hakim pernah berpesan dalam soal bersahabat:

“ Carilah seribu sahabat dalam pergaulan, kerana seribu sahabat belumlah banyak. Jauhilah seorang musuh, kerana musuh yang seorang itu sudah lebih daripada banyak. ”





18 Untuk itu pilihlah kawan dan sahabat yang tepat. Jadikanlah setiap pensyarah sebagai sahabat untuk menyuarakan pendapat dan tempat untuk anda berbincang hal-hal akademik dan juga hal peribadi. Yang dikatakan sahabat bukanlah orang yang sentiasa memuji-muji kamu, tetapi adalah orang yang dapat menunjukkan kesalahan kamu. Pesan hikmah Saidina Ali, selemah-lemah manusia ialah orang yang tidak boleh mencari sahabat dan orang yang lebih lemah daripada itu lagi adalah orang yang mensia-siakan sahabat yang telah dimiliki.

19 Bagi saya kehidupan kampus perlukan pergaulan sihat dan bukannya hanya menjadikan kehidupan kaku dengan 3 K iaitu kuliah, kantin dan katil. Saya mahu setiap pelajar aktif dengan menjadi ahli sekurang-kurangnya satu Persatuan dan mempunyai satu kegiatan sukan. Anda hanya akan jadi manusia robot jika hanya ada 3 K, kuliah, kantin dan katil. Sikap tidak peduli terhadap orang-orang yang memerlukan bantuan adalah manusia yang amat mementingkan diri sendiri. UMS tidak pernah mendidik pelajarannya untuk mementingkan hawa nafsu sendiri. UMS mendidik pelajarannya untuk bergaul, berkumpul, bertolak ansur dan hidup harmoni sebagai satu keluarga besar UMS.

20 Manusia tidak merancang untuk gagal, mereka gagal untuk merancang. Dengan itu rancanglah kehidupan kampus dengan aktiviti keilmuan yang bermanfaat untuk rohani dan jasmani. Menggunakan facebook tidak salah yang salahnya bilamana FB disalahguna. Pisau bagi pakar bedah menyelamatkan nyawa tetapi bagi perompak pisau membunuh jiwa yang tidak berdosa. Yang salah bukan pisau tetapi apakah niat penggunaanya. FB tidak salah yang salah bila niat dan matlamat tersasar hingga merosakkan diri sendiri dengan ponteng kuliah atau menipu identiti untuk hidup mewah.

21 Sidang hadirin dan para pelajar yang saya kasihi sekalian. Hiduplah kita dengan penuh syukur kerana tanpa syukur hidup kita sentiasa tidak puas lagi merasa tidak berkecukupan. Tuhan terima kasih kerana melahirkan kami di bumi Malaysia yang bertuah ini. Nikmat keharmonian yang dinikmati ini semuanya anugerah terindah dariMu untuk kami. Selamat menyambut Hari Merdeka yang ke 55 moga kita semua dapat melestarikan kemerdekaan ini buat anak cucu generasi yang akan datang. Akhir kata ikutlah pesanan Imam Al-Gahazali ini: Wahai anak! Hiduplah seperti mahumu, namun ingat bahawasanya engkau akan mati. Dan cintailah siapa saja yang engkau sukai, namun ingat engkau tetap akan berpisah dengannya. Dan berbuatlah seperti yang engkau kehendaki, namun ingat engkau pasti balasannya nanti.





22 Pada pelajar baharu saya ucapkan tahniah dan selamat menjadi warga Universiti Malaysia Sabah. Saya akhiri dengan doa moga kita semua selamat sejahtera di dunia dan akhirat sana.

Sekian dan terima kasih.
Wassalammualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

..." Janganlah berputus asa.

**Tetapi kalau anda sampai berada dalam
keadaan putus asa,
berjuanglah terus meskipun dalam
keadaan putus asa."**







UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 088 320 000 **Faks:** 088 320 232

Laman Web: www.ums.edu.my